



## SENARAI KELAYAKAN RAWATAN PELAJAR DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1. Perkhidmatan rawatan perubatan dan pergigian di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) adalah layak kepada pelajar yang mendaftar sebagai pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan membayar yuran kesihatan pada setiap semester. Perkhidmatan ini dipanggil Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar.
2. Pelajar yang tertakluk di bawah Skim adalah pelajar tempatan dan antarabangsa arus perdana, pelajar Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMSHAPE) dan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB).
3. Pelajar Pusat Genius@Pintar Negara dan pelajar ASASIpintar UKM **TIDAK** termasuk di bawah skim ini. Walau bagaimanapun, pelajar boleh mendapatkan rawatan di PKU dengan dikenakan caj ke Pusat Genius@Pintar Negara.
4. Pihak PKU mengeluarkan surat jaminan (GL) kepada **SEMUA** pelajar di bawah Skim.
5. Pelajar di Kampus Kuala Lumpur **SAHAJA** boleh mendapatkan surat jaminan (GL) daripada Poliklinik Warga Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Unit Kecemasan HCTM dan Klinik Pakar HCTM.
6. Rawatan perubatan yang ditanggung oleh Skim dan GL adalah:
  - a. Caj konsultasi pegawai/pakar perubatan
  - b. Caj kemasukan wad kelas 2 dan ke bawah di semua Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia kecuali Hospital Putrajaya
  - c. Caj ujian siasatan penyakit termasuk ujian makmal dan radiologi (ujian diagnostik) yang dicadangkan oleh Pegawai Perubatan
  - d. Caj pembedahan tanpa melibatkan implan/besi
7. Rawatan pergigian yang ditanggung oleh Skim dan GL adalah:
  - a. Pemeriksaan mulut dan gigi
  - b. Pengskaleran dan penggilapan
  - c. Tampalan gigi
  - d. Rawatan akar gigi hadapan
  - e. Cabutan gigi
  - f. Pembedahan kecil mulut
  - g. Pembuatan gigi palsu (*denture*)
8. Rawatan yang **TIDAK DITANGGUNG** oleh Skim dan **TIDAK** dikeluarkan GL adalah:
  - a. Rawatan di luar sesi pengajian (cuti semester, tangguh pengajian dan digantung pengajian)
  - b. Pelajar yang telah gagal dalam peperiksaan dan yang telah ditamatkan daripada pengajian
  - c. Rawatan perubatan dan pembedahan ritual atau kosmetik seperti berkhatan/*braces*

- d. Perkhidmatan perancangan keluarga seperti penggunaan atau pengeluaran IUCD dan pil perancang keluarga
- e. Rawatan di hospital swasta, klinik bukan panel dan Hospital Universiti selain HCTM
- f. Kecederaan/ kemalangan/ sakit semasa di luar negara. Pelajar perlu mendapatkan insurans kesihatan sendiri
- g. Pemeriksaan makmal dan radiologi (ujian diagnostik) atas kehendak sendiri tanpa cadangan daripada Pegawai Perubatan
- h. Perkhidmatan imunisasi
- i. Alat bantuan kecacatan dan ketidakupayaan anggota seperti tongkat ketiak, kerusi roda, cermin mata dan alat bantuan pendengaran
- j. Rawatan kehamilan dan melahirkan
- k. Sebarang pemeriksaan perubatan untuk kemasukan ke UKM atau mana-mana universiti lain.
- l. Kos implan besi
- m. Rawatan untuk dialisis ginjal, Hepatitis B atau C/HIV (AIDS), leukemia/kanser atau lain-lain penyakit kronik sedia ada